



Headline: Pengasuh rugi RM10,000 ditipu 'polis'
Publication/Portal: Kosmo
Date: 23 December 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 6

Pengasuh rugi RM10,000 ditipu 'polis'

SEBERANG PERAI - Seorang pengasuh kanak-kanak berputih mata apabila kerugian RM10,000 dipercayai ditipu oleh sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis di Kepala Batas di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, wanita berusia 53 tahun itu diperdaya seorang lelaki yang memberitahunya bahawa dia terlibat dalam kes pengubahan wang haram.

Katanya, mangsa mengikut arahan yang diberikan polis palsu tersebut kerana terlalu takut.

"Wanita itu membuka akaun di Bank Rakyat bagi menyelamatkan wang di dalam akaun Tabung Haji miliknya seperti yang disuruh oleh lelaki tersebut.

"Tanpa berfikir panjang, dia menyerahkan nombor pada bahagian hadapan dan belakang kad bank serta nombor pin kepada pemanggil tersebut seperti yang diarahkan," katanya kepada pembe-

rita di sini semalam.

Tambah Noorzainy, mangsa kemudiannya menyedari telah berlaku satu transaksi pindahan wang ke dalam akaun bank itu tanpa pengetahuannya.

"Ia melibatkan keseluruhan wang berjumlah RM10,000.

"Bagaimanapun, mangsa disuruh pergi ke balai polis terdekat bagi proses pemulangan semula wang namun dia telah diberitahu bahawa itu adalah panggilan *scammer*," katanya.